
PERATURAN PERTANDINGAN BOWLING (BERPASUKAN)

1. Undang-undang Permainan

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Kongres Bowling Tenpin Malaysia (MTBC) dan Peraturan Am Karnival Sukan Siswa UniKL (KSSU)

2. Pendaftaran Pemain

- 2.1 Kelayakan pemain seperti di peraturan AM KSSU Perkara 5.
- 2.2 Perubahan akhir nama pemain hendaklah mematuhi peraturan Am KSSU para 5.
- 2.3 Jumlah pemain boleh didaftarkan dalam pertandingan ini adalah seperti berikut:
 - 2.3.1 Pemain Lelaki - 2 Orang
 - 2.3.2 Pemain Wanita - 2 Orang
- 2.4 Pasukan yang lewat akan dikenakan penalti 4 balingan
- 2.5 Pasukan yang menurunkan pemain-pemain yang tidak didaftarkan akan **dibatalkan penyertaannya dalam kejohanan ini.**

3. Sistem Pertandingan

- 3.1 Pertandingan akan dijalankan secara Fiesta dan tiada perlawanan akhir. Penentuan johan, Naib johan dan Ke – 3 adalah melalui sistem ranking.
- 3.2 Setiap pemain akan diberi peluang bermain sebanyak **empat (4)** permainan. Tiada penggantian pemain jika tercedera.
- 3.3 Pertandingan akan dijalankan secara terbuka dan tiada handicap diberikan.
- 3.4 Konsep pertandingan ialah melalui mata terkumpul pasukan.
- 3.5 Syarat-syarat yang mesti dipatuhi semasa dilorong (Lane):
 - 3.5.1 Dilarang untuk makan dan minum diatas lorong (Lane).
 - 3.5.2 Dilarang membuat balingan semasa pemain lawan berada diatas lorong (Lane).
 - 3.5.3 Balingan yang sudah memasuki longkang dan naik semula serta menjatuhkan pin dikirya batal atau "Miss".
 - 3.5.4 Dilarang membuat sebarang pembedulan didalam "Score Screen" anda sebelum mendapat persetujuan dari pihak lawan dan juga bantuan petugas di "Bowling Alley".
 - 3.5.5 Jika pasukan didapati menipu atau menukar markah, maka jawatankuasa penganjur berhak untuk membatalkan permainan tersebut.

4. Penentuan Kedudukan Pasukan

- 4.1 Pemenang akan ditentukan seperti berikut :
 - 4.1.1 Pasukan yang mendapat jumlah jatuhan pin tertinggi. **Jika seri;**
 - 4.1.2 Pasukan yang mendapat jumlah jatuhan pin tertinggi bagi permainan terakhir (**Permainan keempat**). **Jika seri;**
 - 4.1.3 Pasukan yang mendapat jumlah jatuhan pin tertinggi bagi permainan **ketiga (3), kedua (2) dan pertama (1).**

5. Pakaian

- 5.1.1 Pemain-pemain hanya dibenarkan memakai seluar panjang “Slack” atau “Track Bottom” semasa pertandingan.
- 5.1.2 Pemain- pemain tidak dibenarkan memakai seluar panjang “Jeans” semasa pertandingan.
- 5.1.3 Pemain-pemain hanya dibenarkan memakai pakaian sukan yang sopan sahaja.

6. Lain-lain Perkara Berkaitan

- 6.1 Setiap pemain perlu berpakaian sesuai.
- 6.2 Segala keputusan pertandingan adalah **MUKTAMAD**.